



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (18)

Tarikh : 1 September 2015

SIARAN MEDIA

PELAKSANAAN PENGASINGAN SISA PEPEJAL DI PUNCA DEMI KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Serdang, 1 September 2015- Majlis pelaksanaan pengasingan sisa di punca telah disempurnakan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Abdul Rahman Dahlan pada pagi ini di Malaysia Agro Exposition Park (MAEPS). Majlis ini diadakan selaras dengan pelaksanaan pengasingan sisa di punca yang bermula pada hari ini melibatkan di negeri-negeri yang menguatkuasakan Akta 672 iaitu Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Perlis, Kedah Kuala Lumpur dan Putrajaya. Majlis pelancaran ini turut diadakan serentak di tiga (3) negeri lain iaitu Kedah, Pahang dan Johor.

Sebagai simbolik sempena penguatkuasaan pelaksanaan pengasingan sisa di punca pada hari ini juga, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui agensinya Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp) telah berjaya mencatatkan rekod Malaysia di mana telah berjaya mengumpul satu juta botol minuman melalui kempen anjuran mereka iaitu '1 Million Bottles One Dream'. Kempen pengumpulan 1 Juta Botol ' 1 Million Bottles One Dream' (1MBOD) ini adalah bagi menzahirkan inisiatif masyarakat untuk memelihara bumi dan menghargai alam sekitar.

Pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca ini meliputi negeri-negeri yang telah menerima pakai Akta 672 iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah. Pemilik-pemilik kediaman di negeri-negeri berkaitan diwajibkan mengasingkan sisa pepejal mereka mengikut kategori seperti Kertas, Plastik dan lain-lain. Kutipan sisa pepejal akan dibuat dua kali seminggu untuk sisa baki iaitu seperti sisa dapur, sisa makanan dan bahan-bahan kotor yang lain. Manakala satu kali seminggu dikhaskan untuk mengutip barangan kitar semula tersebut.

Pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca yang bermula pada hari ini, adalah secara berperingkat-peringkat. Pada peringkat awal pelaksanaan ini sehingga 1 Jun 2016, tiada sebarang denda akan dikenakan kepada isirumah yang gagal mengasingkan sisa pepejal mereka. Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada proses pembelajaran. Orang ramai akan diberikan notis serta nasihat daripada anggota-anggota penguatkuasa SWCorp. Tindakan kompaun hanya akan dibuat setelah semua maklumat pengasingan sisa pepejal di punca tersebar luas, masa yang optimum telah diberi untuk mempraktikkan proses ini, dan proses engagement dengan masyarakat telah dilakukan dengan intensif. Justeru denda sebagai jalan terakhir hanya akan dikenakan mulai 1 Jun 2016. Kompunan sebanyak RM50 akan dikenakan untuk kesalahan pertama. Jumlah tersebut akan meningkat sejajar dengan kadar kesalahan yang dilakukan.

Bagi orang ramai yang masih keliru dan kurang faham berhubung pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di sumber, mereka digalakkan untuk mendapatkan info serta maklumat lanjut di laman web KPKT . Bagi yang cenderung menggunakan media sosial, boleh menggunakan saluran Facebook dan Twitter dengan mencari hashtag #asingkan dan #keepitseparated

Kerajaan berharap amalan pengasingan sisa di punca ini mampu menambahbaik tahap kitar semula negara. Kadar kitar semula nasional masih rendah di paras 15% pada tahun 2014, masih jauh jika dibandingkan dengan Eropah dan Jepun. Namun Kerajaan percaya dengan sokongan dan kerjasama rakyat Malaysia kita mampu mencapai tahap 20% kitar semula menjelang tahun 2020

Apabila pengasingan sisa telah menjadi sebagai cara hidup, secara langsung ia akan memberi nafas kepada aktiviti kitar semula; dan tentunya, jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan akan berkurangan. Usia tapak pelupusan boleh dipanjangkan antara 10 hingga 15 tahun dan mengurangkan belanja pengurusan hingga 40% setahun sekiranya kita mengamalkan pengasingan sisa di punca.

Menurut kajian yang baru dijalankan tahun ini, kadar janaan sisa pepejal menunjukkan setiap seorang rakyat Malaysia menjana 1.14 kg sisa domestik sehari – di mana 30% daripadanya

terdiri daripada bahan yang boleh dikitar semula. Jika dibandingkan mengikut kadar semasa bahan kitar semula dibeli, kita mampu menjana hampir RM788 juta setahun.

Merujuk kepada program “1 Million Bottles One Dream” yang dilaksanakan oleh SWCorp sebagai simbolik pelancaran pada hari ini, ia diharap dapat memberi gambaran yang jelas betapa pentingnya pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca, dan dapat mentranformasi kesedaran masyarakat untuk membudayakan amalan kitar semula. Program ini juga turut dicatatkan dalam Malaysia Book of Record sebagai “Pengumpulan 1 Juta Botol - 1 Million Bottles One Dream” dan **hasil jualan botol berkenaan yang dianggarkan bernilai RM 12,000** akan disumbangkan terus kepada pihak Persatuan Mata Hati Malaysia (MHM) dan Majlis Kanser Nasional (MAKNA).

Untuk menambah keberkesanan usaha meningkatkan kesedaran orang ramai, pada Februari lepas, Pelan Transformasi Minda telah dilancarkan di mana pelbagai inisiatif, strategi dan tindakan komprehensif telah dijalankan untuk menyemai minda kelas pertama dalam soal pemeliharaan alam sekitar. Segala usaha untuk menyuntik kesedaran berkaitan pengurusan sisa pepejal yang mampan ini, akan dilakukan secara berterusan menerusi pelbagai program pendidikan dan kempen. Kerjasama semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan, pihak swasta dan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) memainkan peranan utama demi melahirkan rakyat Malaysia yang membudayakan amalan kebersihan dan mempunyai rasa cinta yang tinggi kepada bumi.

Program ini turut dimeriahkan dengan pameran daripada lebih 10 buah agensi kerajaan, swasta dan NGO.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my